

DOKUMEN MEJA

LAMPIRAN B

NO. TAWARAN SEBUT HARGA: PPN.PP.3(N)/2020

TAJUK SEBUTHARGA: MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMUNGGAH DAN MENYUSUN PELBAGAI JENIS BAJA BAGI PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI, JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG

SYARAT-SYARAT AM PEROLEHAN :

Pihak PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT dengan ini bersetuju dan mengambil maklum dengan perkara-perkara berikut:

- 1) Tawaran perolehan ini ialah bagi Membekalkan Pelbagai Jenis Baja Bagi Projek Pembangunan Pertanian Negeri kepada JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG, di alamat JALAN KULIM, CHEROK TOK KUN, 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.
- 1) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT mengambil maklum bahawa **nilai tawaran harga perolehan ini meliputi kos bekalan (termasuk pallet kayu – 115 unit), penghantaran, memungga, menyusun dan pembungkusan bekalan sahaja.** Kos selain yang dinyatakan adalah tanggungjawab PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT berkenaan.
- 2) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT bersetuju bahawa penghantaran hendaklah dibuat ke **STOR UTAMA di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian Negeri, Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam.**
- 3) Pihak Jabatan akan mengambil sampel baja untuk analisis makmal bagi setiap penghantaran (*each consignment*) yang dihantar ke Stor Utama. Bilangan analisis makmal untuk sampel baja bergantung kepada bilangan penghantaran oleh pihak pembekal. Pengambilan sampel akan diuruskan oleh Pegawai Teknikal Jabatan Pertanian.
- 4) **Kos yang berkaitan dengan analisis baja ditanggung oleh PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT yang berjaya dalam tawaran ini.**
- 5) Pihak PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT yang telah dilantik hendaklah memastikan bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan atau disediakan adalah berkualiti dan mematuhi piawaian bekalan / perkhidmatan berkenaan. Kegagalan PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT mematuhi syarat ini akan mengakibatkan tawaran ini terbatal dan PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT dikehendaki menanggung segala kerugian yang berkaitan dengan tawaran perolehan ini.

DOKUMEN MEJA

- 6) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT hendaklah pada setiap masa mematuhi arahan-arahan dari masa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang dilantik menguruskan proses perolehan ini.
- 7) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT hendaklah mengantikan setiap bekalan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan sama ada bekalan tersebut (Contoh: rosak, cacat, tiruan, terdapat perbezaan ketara nisbah sebatian kimia dsb.) dengan secepat yang mungkin dari **tarikh perakuan tidak diterima (*Delivery Order*)** oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.
- 8) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang **tidaklah terikat untuk membeli sehingga ke tahap maksimum jumlah bekalan yang dinyatakan dalam tawaran perolehan ini.**
- 9) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang **tidak terikat untuk membeli sekaligus jumlah bekalan yang dinyatakan dalam perolehan ini.**
- 10) **Tarikh akhir pembekalan** ialah pada **30 September 2020.**
- 11) Mana-mana PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT yang gagal untuk membekalkan bekalan sehingga tarikh yang ditetapkan, PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT berkenaan akan disenarai hitamkan oleh pihak Jabatan.
- 12) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dengan menghantar notis bertulis dalam masa 48 jam untuk penghantaran bekalan berkenaan. Sekiranya gagal, Jabatan Pertanian berhak untuk tidak menerima barang penghantaran.
- 13) PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT hendaklah memastikan penghantaran dokumen sebut harga disertakan bersama:
 - i) **Salinan dokumen sokongan** seperti Sijil Kementerian Kewangan (MOF) yang menyatakan kod bidang berkaitan, Sijil SSM dan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera.
 - iii) **Sampel baja sebanyak 250 gram** bagi tujuan analisis oleh pihak Jabatan Pertanian. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT ditolak.
 - iv) **Salinan Keputusan Analisis Baja** yang dikeluarkan dari makmal berakreditasi yang diiktiraf oleh Jabatan Pertanian (Rujuk Lampiran 3).

DOKUMEN MEJA

- 15) Kegagalan PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT untuk mematuhi sebarang syarat yang dinyatakan di atas menyebabkan tawaran perolehan ini dibatalkan dan PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT tidak berhak menuntut sebarang ganti rugi akibat pembatalan tawaran perolehan ini.
- 16) Satu sesi taklimat kepada PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT akan dijalankan selepas iklan dimuatnaik dalam Sistem ePerolehan. Pihak PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT **diwajibkan** untuk menghadiri **Sesi Taklimat pada 16 Jun 2020 [Selasa] jam 10.00 pagi.**
- 17) **Semasa Sesi Taklimat, amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer*, dan pemakaian *face mask* adalah digalakkan.**
- 18) Semua PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT bersetuju sebarang keputusan atau makluman (jika ada) semasa sesi taklimat tersebut akan tergunapakai bagi proses perolehan ini walaupun pihak PENYEBUTHARGA / PETENDER / SYARIKAT tidak hadir semasa sesi taklimat berkenaan.
- 19) Sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Perolehan di alamat dan talian berikut:

a. **Dokumen Perolehan**

Urusetia Perolehan
Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun,
14000, Bukit Mertajam,
Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 5372144

b. **Maklumat Teknikal**

Ketua Seksyen Pembangunan Industri Tanaman
Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun,
14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 5372144

Pegawai Pertanian Kuasa Usaha
Bhg. Pengurusan Sumber Tanah
Kompleks Pertanian Bumbung Lima
13200, Kepala Batas.
Tel: 04 - 5751004

Pegawai Pertanian Kuasa Usaha

DOKUMEN MEJA

Bhg. Kawalan Racun Perosak & Baja
Kompleks Pertanian Bumbung Lima
13200, Kepala Batas.
Tel: 04 - 5793800

Tarikh:

Saya selaku Penyebutharga / Petender / Syarikat, dengan ini telah membaca dan memahami syarat-syarat am bagi proses perolehan ini. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan seperti di atas atau arahan yang diberikan oleh pihak Jabatan Pertanian, pihak Jabatan berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas ketidakpatuhan tersebut

Yang Benar,

.....
()

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

Tarikh: